

▼08/07/11-18MST

CNS0338

R GB 08-07 00165 BH288

aab

Mahathir - Bosnia

MAHATHIR NYATAKAN RASA KAGUMNYA TERHADAP KEBERANIAN TENTERA M'SIA
Daripada Abdul Rahman Sulaiman

Paris, 8 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri menyatakan rasa kagumnya terhadap keberanian dan ketabahan anggota tentera Malaysia yang berkhidmat dengan pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Bosnia.

Sambil mengucapkan tahniah secara terbuka kepada mereka, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata secara peribadi beliau berasa amat terhutang budi kepada mereka.

"Mereka sebenarnya menjalankan tugas lebih daripada yang diamanahkan. Mereka melakukan pelbagai kerja kebajikan untuk memanggi hati dan minda rakyat Bosnia bagi mengurangkan penderitaan yang mereka alami," katanya kepada para wartawan Malaysia di sini.

Perdana Menteri berkata beliau berasa amat puas hati kerana dapat melawat pasukan itu di Koenjik, dua minggu lalu.

Katanya walaupun lawatan itu tidak dirancang, beliau telah lama berhasrat membuat lawatan sedemikian untuk menunjukkan penghargaan negara kepada pasukan tentera Malaysia itu yang bersedia menyahut seruan negara bertugas di negara orang demi keamanan. -- Laqi

▼08/07/11-14MST

CNS0341

R GB 08-07 00117 BH290

aab

Mahathir - Bosnia 2 (Akhir) Paris

"Saya menghormati keberanian tentera kita sedangkan masyarakat antarabangsa hanya mampu menyaksikan pelbagai penderitaan di Bosnia. Mereka sanggup melibatkan diri kerana takut tentera mereka akan mati. Ini merupakan satu ketidakadilan yang memalukan tamadun modern," katanya.

Dr Mahathir juga berterima kasih kepada PBB, Kerajaan Britain dan Croatia kerana memberi kerjasama masing-masing bagi membolehkan lawatan itu.

Britain menyediakan sebuah helikopter and juruterbang untuk membawa Perdana Menteri dari Split ke Koenjik.

"Walaupun saya perlu memakai baju Kalis peluru, saya tidak merasa gentar ketika berada di sana. Tentera kita bertugas di kawasan lembah yang mudah diserang tentera Serb," katanya. -- Bernama
ARES RON